

METAZINE TABLET

Trimetazidine dihydrochloride 20mg

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan METAZINE
2. Bagaimana METAZINE berfungsi
3. Sebelum mengambil METAZINE
4. Cara menggunakan METAZINE
5. Semasa menggunakan METAZINE
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan METAZINE
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan METAZINE

METAZINE digunakan sebagai rawatan tambahan kepada pesakit yang mengalami sakit dada (angina pektoris stabil). Ia melindungi sel jantung daripada kesan kekurangan bekalan oksigen ketika serangan angina.

Bagaimana METAZINE berfungsi

Trimetazidine memulihkan aktiviti yang bertenaga dalam sel jantung. Dengan meningkatkan rizab aliran jantung, ia mengurangkan kekerapan sakit dada.

Sebelum mengambil METAZINE

- *Bila tidak boleh mengambil*

Jangan mengambil METAZINE jika anda alah kepada ubat-ubatan yang mengandungi *trimetazidine dihydrocholride* atau sebarang bahan kandungan ubat yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.

Jangan mengambil METAZINE jika anda menghadapi penyakit Parkinson dan kemerosotan buah pinggang yang teruk.

Jangan mengambil METAZINE untuk melegakan serangan angina (sakit dada) secara tiba-tiba atau sebagai rawatan awal untuk angina tidak stabil atau serangan jantung.

Jangan mengambil METAZINE jika anda sedang hamil atau menyusukan bayi. Doktor akan berbincang dengan anda mengenai risiko dan manfaatnya.

Jangan mengambil METAZINE selepas tarikh luput (Exp.) yang dicetak pada pek pembungkusannya.

Jangan mengambil METAZINE jika pembungkusannya mempunyai tanda-tanda telah dibuka atau ada yang tidak kena mengenai tabletnya.

- *Sebelum mula mengambil*

Maklumkan kepada doktor anda jika anda alah terhadap sebarang ubat-ubatan, makanan, bahan pewarna atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau anda seorang warga emas berumur lebih daripada 75 tahun.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Maklumkan kepada doktor jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan lain termasuklah yang boleh diperolehi tanpa preskripsi di kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan. Doktor anda boleh memberitahu anda perkara yang perlu lakukan jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan tersebut.

Doktor atau ahli farmasi anda mempunyai lebih banyak maklumat tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau perlu dielakkan ketika mengambil METAZINE.

Cara menggunakan METAZINE

- *Berapa banyak perlu diambil*

Dos biasa ialah 20mg (sebijil tablet) diambil tiga kali sehari. Doktor anda mungkin menasihatkan anda untuk mengambil dos yang berbeza. Ini bergantung kepada keadaan penyakit anda dan sama ada anda ada mengambil sebarang ubat-ubatan lain.

- *Bila perlu mengambil*

Telan tablet METAZINE dengan segelas air semasa makan.

Ambil METAZINE secara tetap untuk mengurangkan bilangan serangan angina.

METAZINE tidak boleh diambil untuk melegakan serangan angina secara tiba-tiba.

- Berapa lama perlu mengambil

METAZINE mesti diambil setiap hari dalam jangkamasa yang panjang untuk mengawal penyakit angina anda. Cuba untuk tidak ketinggalan mana-mana dos dan ambil METAZINE walaupun anda telah berasa sihat.

Terus mengambil METAZINE selagi doktor anda mengarahkannya.

Jika anda tidak mematuhi arahan doktor, anda mungkin tidak lega daripada angina (sakit dada).

- Jika terlupa mengambil

Jika masa untuk dos seterusnya hampir tiba, langkau dos yang tertinggal tersebut dan ambil dos yang seterusnya.

Jika tidak, ambil dos sebaik sahaja anda teringat, dan kemudian teruskan mengambil ubat tersebut seperti biasa.

Jangan gandakan dos anda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

Jika anda tidak pasti mengenainya, hubungi doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera melalui panggilan telefon atau kunjungi hospital yang berdekatan jika anda fikir anda atau orang lain telah mengambil METAZINE secara berlebihan.

Semasa menggunakan METAZINE

- Perkara yang perlu dilakukan

Laporkan kepada doktor jika anda masih mengalami serangan angina (sakit dada) atau semakin kerap mengalaminya ketika mengambil METAZINE.

Maklumkan kepada doktor jika anda telah hamil ketika mengambil METAZINE.

Jika anda bercadang untuk membuat pembedahan, termasuk pembedahan gigi, beritahu doktor anda atau doktor gigi anda sedang mengambil METAZINE.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil METAZINE untuk melegakan sakit dada yang telah berlaku.

Jangan berhenti mengambil METAZINE, atau mengurangkan dosnya, tanpa pengetahuan doktor atau ahli farmasi anda.

Pemberhentian pengambilan METAZINE secara tiba-tiba boleh menyebabkan anda lebih kerap diserang angina (sakit dada).

Jangan guna METAZINE untuk merawat penyakit lain kecuali atas arahan doktor anda.

Jangan beri METAZINE kepada orang lain walaupun penyakit mereka sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda dapati berlakunya gangguan pergerakan seperti gejala parkinsonian, sindrom kekejangan kaki, gegaran, ketidakstabilan gaya berjalan kerana ini menunjukkan *trimetazidine* perlu diberhentikan.

Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda mengetahui kesan METAZINE terhadap anda.

METAZINE boleh menyebabkan rasa pening atau ringan kepala pada sesetengah pesakit. Jika ia terjadi kepada anda, jangan memandu, mengendalikan mesin atau melakukan apa saja yang berbahaya.

Kesan-kesan sampingan

Maklumkan segera kepada doktor atau ahli farmasi jika anda berasa tidak sihat ketika mengambil METAZINE.

Seperti ubat-ubatan lain, METAZINE mempunyai kesan-kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah pesakit seperti loya, muntah-muntah, gegaran otot, akinesia (kehilangan keupayaan untuk mengawal pergerakan sukarela), hipertonia (ketegangan otot yang berlaku secara tidak normal), ketidakstabilan bila berjalan dan pergerakan kaki yang tidak terkawal (*restless leg syndrome*).

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku dalam sesetengah pesakit. Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang

membuat anda merasa kurang sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan METAZINE

Penyimpanan

Simpan ubat anda di dalam pek asal sehingga tiba masa untuk menggunakannya. Jika anda mengeluarkan ubat daripada pek, ia mungkin tidak dapat dikekalkan dalam keadaan yang baik.

Simpan ubat anda di tempat kering dan sejuk pada suhu bawah 25°C.

Jauhkan METAZINE daripada capaian kanak-kanak.

Almari yang berkunci sekurang-kurangnya satu setengah meter dari aras lantai ialah tempat yang sesuai untuk menyimpan ubat.

Pelupusan

Jika doktor atau ahli farmasi anda mengarahkan anda berhenti mengambil METAZINE atau sudah tamat tarikh luputnya, hubungi ahli farmasi anda untuk mengetahui apa yang perlu dilakukan terhadap baki tersebut.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Berbentuk bulat, dengan tanda belahan dan 'DUO 3' pada satu permukaan dan tanda 'DUO 4' pada permukaan yang lain.

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- setiap tablet METAZINE mengandungi 20mg *Trimetazidine dihydrochloride*

Bahan-bahan tidak aktif:

- *Lactose*
- *Aerosil*
- *Avicel*
- *Polyvinylpyrrolidone (PVP)*
- *Carmoisine*
- *Magnesium stearate*

Nombor MAL MAL05051063A

Pengilang

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)
WHOLLY OWNED BY CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD (52471-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)
WHOLLY OWNED BY CCM DUOPHARMA BIOTECH BERHAD (52471-W)
Lot. 2599, Jalan Seruling 59, Kawasan 3, Taman Klang Jaya, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RIMUP

21/04/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)270315/00051